
*Sebuah karya oleh penulis
Diagnosis 6 dan Sehari di A&E*

Novel Medik

Kerana Bosku

mr. purple

PEPPERMINT

Kerana Bossku

mr. purple

PEPPERMINT

Diterbitkan oleh:
Noor Hayati Yasmin
E-mel: hayatiyasmin@gmail.com

Hak Cipta © 2017 oleh Peppermint

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Cetakan pertama 2017
Cetakan ketiga 2017
Cetakan ketiga 2018

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam
Penerbitan

Peppermint, 1979-

Kerana Bosku Mr Purple / PEPPERMINT.

ISBN 978-967-12923-9-6

1. Malaysian fiction (Malay). 2. Malay fiction. I. Judul.
899.2333

Pereka Bentuk Kulit: Norsa'adah Ahmad
Pereka Letak: Noor Hayati Yasmin

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn Bhd

1

"Dr Azwa!"

Azwa yang baru selesai menulis preskripsi ubat menoleh. Pesakit yang duduk di hadapannya, seorang lelaki muda turut menoleh sama.

Wajah SN Amni keruh.

"Ada apa Amni?" Tanya Azwa sambil memberi preskripsi ubat kepada pesakitnya. Dia sudah menerangkan ubat yang perlu diambil lelaki itu sebelum SN Amni muncul.

Lelaki itu mengambil slip ubat, melihat sekilas sebelum melipat dan memasukkan slip dalam poket kemeja yang dipakai.

"Doktor, saya nak MC. Saya kerja syif malam. *Supervisor* kat kilang suruh ambil MC." Ujar lelaki itu.

"Sekejap ya." Potong Azwa.

"Kenapa Amni?" Tanya Azwa lagi apabila dilihatnya Amni seperti terkaku.

"Baby tujuh bulan yang Dr Azwa nak *admit* ke ward tu *collapsed*, ada kat *resus* sekarang." Suara SN Amni bergetar.

Azwa diterpa kejutan yang bukan kepalang.

"Ha?"

Tanpa berfikir panjang, Azwa berlari keluar dari bilik zon hijau.

Sayup-sayup kedengaran suara lelaki muda itu, "Doktor, MC saya mana?"

Uzir yang menjaga *resus* sedang melakukan *chest compression* ke atas seorang bayi. PPP Johari menekan *bag valve mask*, memberi *positive pressure ventilation*. SN Raihan mencari ETT di *emergency trolley*, menyediakan *laryngoscope* dan peralatan lain untuk *intubation procedure*.

Wajah Azwa berubah. Dia cam bayi tersebut. Satu jam yang lalu dia memeriksa bayi itu di zon hijau.

Kenapa tiba-tiba *collapsed*? Apa yang berlaku? Seribu satu persoalan bermain dalam fikiran Azwa.

"Dah berapa lama CPR?" Soal Azwa sambil menyarung *glove*. Dia mahu menolong Uzir.

"Baru je."

"Kenapa *collapsed*?"

"Tak pasti. Tapi cuba kau tengok tu." Uzir memuncungkan mulutnya.

Setiap kali Uzir menekan dada si cilik, cecair berwarna putih meleleh keluar dari mulut dan hidungnya.

"ETT 3.5, Doktor Uzir."

"Yup."

"Kau tolong aku *intubate*?" Seru Uzir.

"Okay."

Azwa terus bergerak ke bahagian atas hujung katil, di bahagian kepala bayi. "Come, let me takeover ventilation."

PPP Johari akur. *Bag valve mask* bertukar tangan.

Ketika Azwa memasukkan *laryngoscope*, hanya cecair putih yang jelas kelihatan di mata kasar. Cecair putih yang memenuhi rongga mulut bayi itu.

"Suction." Pinta Azwa.

Yankeur suction dihulurkan kepada Azwa. *Suction* dilakukan. Azwa masih gagal melihat *vocal cord* bayi malang itu kerana ditutupi cecair putih yang tidak berkurangan walaupun selepas *suction* dibuat.

"Uzir, aku tak boleh *intubate*. Kau *try* pulak." Azwa mengalah.

Uzir yang sedang menyaksikan PPP Johari melakukan *chest compression* mengambil-alih kedudukan Azwa. Dia turut berdepan dengan masalah yang sama kerana pengumpulan cecair putih yang banyak dalam mulut bayi.

Namun akhirnya dia berjaya memasukkan ETT selepas berhempas pulas dengan melakukan *suction* secara pantas.

"Adrenaline?"

"Dah bagi Doktor Uzir, *every three minutes*." Jawab SN Faizah yang menjaga bahagian dokumentasi. Dia menjadi pencatat untuk proses resusitasi. Pukul berapa ETT dimasukkan, pukul berapa adrenaline diberi, dia akan menulis di carta pemerhatian. Dia juga yang berperanan menjaga masa, mengingatkan setiap kali cukup dua minit untuk pemeriksaan *rhythm* dan nadi.

Tiga puluh menit berlalu dengan pantas tanpa disedari.

"Doktor Uzir, kita nak resus berapa lama ni?" Tanya SN Faizah.

"Dah berapa lama kita CPR?"

"Setengah jam."

Uzir menghela nafas panjang. Azwa terdiam. Hatinya sakit setiap kali melakukan proses resusitasi ke atas bayi atau kanak-kanak. Kesedihan itu lebih lagi. Tak tahu kenapa.

"Tiga puluh menit *asystole*. Hmm...." Uzir menggelengkan kepala.

"*Okay, ni last cycle.*" Putus Uzir.

PPP Johari meneruskan *chest compression* yang terakhir.

"Dua minit!" SN Faizah berteriak mengingatkan. Masa untuk memeriksa *rhythm* dan nadi.

Garis lurus terapar di monitor. *Asystole*.

Uzir memandang Azwa dan staf yang lain.

Semua terdiam. Uzir memeriksa nadi dan menyuluh anak mata. Stetoskop yang terlilit di leher diletakkan di dada bayi.

"*No pulse, no heart sound, pupil fixed and dilated. Cardiac monitor shows asystole.*"

"*Time of death is 11.45 pm.*" Dengan berat hati Uzir mengumumkan masa kematian.

Azwa seperti tidak percaya. Bayi itu masih bernafas ketika diperiksanya sebaik saja dia masuk kerja syif malam.

"Apa yang berlaku? Kenapa tiba-tiba boleh *collapsed*?" Azwa tidak tahu kepada siapa hendak dia bertanya.

Azwa terduduk di kerusi. Tidak dihiraukan pesakit zon hijau yang entah berapa ramai sedang menunggunya. Ligat berfikir apa yang berlaku ke atas bayi malang ini.

"Masa kau tengok dia kat *green zone* tadi, macam mana?"

"Aku rasa *okay* je, tak *tachypnoeic* pun. Cuma dia nampak *lethargic*. Aku *plan* nak *admit* lepas pasang *branula* and *drip*."

"Sebenarnya tak dapat *insert branula* lagi lepas Doktor Azwa tengok. Emak dia kata nak dukung kejaip." SN Amni menyampuk.

Uzir dan Azwa sama-sama memandang SN Amni.

"Saya nampak mak dia bagi *bottle feeding*. Susu dalam botol. Anak dia macam tak larat. Saya cakap dengan dia, jangan paksa kalau budak tu tak boleh minum. Kita akan pasang *drip*."

"Lepas tu saya keluar kejaip nak ambil *admission form* kat BDM. Saya pergi *check baby*. Mak dia kata *baby* tidur. Tapi bila saya *check*, *baby* dah tak bernafas. Terus saya bawa ke *resus*." SN Amni bercerita panjang-lebar.

Dia rasa bersalah. Kalau dia bertegas melarang emak pesakit memaksa bayinya minum, mungkin nasib bayi ini tidak akan berakhir begini. Namun dia cepat tersedar, ini semua kuasa Tuhan yang Maha Berkuasa.

"*Aspiration*. Banyak betul susu yang keluar tadi. Waktu nak *intubate* pun nampak susu je." Ulas Uzir.

"Kau nak sampaikan *bad news* ni pada *parents baby* atau kau nak aku sampaikan?" Tanya Uzir apabila dilihatnya Azwa yang murung.

"Tak apa, biar aku yang bagitahu dia orang. Aku yang jumpa mak *baby* tadi." Azwa tetap mengambil tanggungjawab itu. Kerana dia tahu seberat mana pun tugas menyampaikan berita buruk, lebih berat lagi pihak yang menerimanya.

Tugas doktor bukan gantung stetoskop dan berjalan megah satu hospital mendabik dada berlagak mengatakan aku doktor.

Ini salah satu tugas doktor iaitu menyampaikan berita kematian kepada ahli keluarga pesakit. Tugas yang paling tidak disukai Azwa. Rasanya mana-mana doktor juga tidak menyenangi tugas yang satu ini.

Tidak ada doktor yang suka dengan tanggungjawab menyampaikan berita kematian. Namun Azwa tahu dia tidak mempunyai pilihan lain kerana sudah termaktub inilah salah satu skop pekerjaan yang harus dilakukannya.

Sebaik saja Azwa menyampaikan khabar buruk, ibu bayi tersebut menangis sekuat-kuatnya. Suami yang memeluk untuk menenangkannya kelihatan tidak tentu arah juga. Rupa-rupanya datuk dan nenek bayi turut menemani pasangan suami isteri itu ke hospital.

"Kau tahu, aku paling sedih tengok *baby* dan kanak-kanak meninggal dunia." Luah Azwa kepada Uzir.

"Aku pun." Balas Uzir

Azwa dan Uzir melihat penuh simpati ibu bapa dan datuk nenek yang mengelilingi katil bayi itu, menangis tanpa henti serta meraung kesedihan. Sayu.

2

"Tahniah! Saya tahu awak akan dapat masuk program master tahun ni."

Azwa tersenyum mendengar ucapan tahniah yang keluar dari mulut Dr Muhammad. Dia berada di bilik boss, menyampaikan berita dia diterima masuk dalam program sarjana perubatan kecemasan di salah satu universiti terulung tanahair.

"Terima kasih boss. Kalau tak kerana sokongan kuat boss, susah juga saya nak dapat."

Dr Muhammad, ketua jabatan kecemasan tempat Azwa bertugas, menegakkan badan di kerusi. Mukanya berubah serius.

"Rezeki awak dapat melanjutkan pelajaran, bukan disebabkan saya. Saya harap awak buat betul-betul masa program master. Rajin belajar, rajin kerja. Lulus *exam* dan jadi *specialist*. Balik kerja di sini semula dengan saya."

"Insya Allah boss. Tapi bab kembali ke sini saya tak berani janji. Mana tahu kerja di tempat lain pula. Kena pindah ke Sabah Sarawak ke."

"Ya juga kan, tak kisah la kerja di mana asalkan berkhidmat dengan ikhlas."

"Bila dah mulakan sesuatu, kena habiskan. Jangan berhenti separuh jalan." Pesan Dr Muhammad.

Azwa diam mendengar butir nasihat ketua jabatannya. Dia mendengar khabar yang mengatakan ramai yang *quit*

master semasa di universiti. Berhenti separuh jalan kerana pelbagai sebab. Azwa berdoa semoga dia berjaya menghabiskan program master dan menjadi seorang doktor pakar seperti bossnya.

"Tak silap saya salah seorang *emergency physician* di sana ialah Firas. Dia pelik sikit tapi kalau kamu pandai bawa diri, Insya Allah tak ada apa-apa."

"Pelik? Apa maksud boss?"

Dr Muhammad tersenyum nipis. "Awak tahu sendiri bila jumpa dia kat sana."

"Boss ni buat saya tertanya-tanya je." Azwa tak puas hati. Dr Muhammad tak mengendahkan rungutan Azwa sebaliknya terus memberi nasihat.

"Jangan melawan cakap boss kat tempat baru nanti."

"Mana ada saya lawan cakap boss." Bantah Azwa.

"Tengok tu, menjawab je kerjanya."

Azwa sengih.

"Dengan saya tak apa. Dengan Firas, jangan macam-macam."

Berkerut dahi Azwa. Tak habis-habis boss menyebut nama Firas. *Scary* sangat ke mamat ni?

Hmm... *just wait and see*....

3

"Boleh ya, *medical standby* terakhir sebelum awak tinggalkan hospital ni." Lemah-lembut suara Dr Rosnah, *MO in-charge* memujuk menyebabkan Azwa bersetuju.

Terdapat dua pasukan untuk *medical standby*. Sempena sambutan apa, Azwa tak ambil pusing. Di Malaysia, pelbagai majlis keraian dan sambutan diadakan. Sentiasa ada bajet untuk majlis keraian.

Azwa cuma tahu dia ditugaskan mengetuai pasukan *medical standby* untuk orang awam.

Uzir menggantikan Dr Rosnah yang sepatutnya mengetuai pasukan yang menjaga VVIP iaitu Timbalan Perdana Menteri (TPM) Malaysia.

Ketiadaan pesakit ketika itu menyebabkan Azwa berbalas *whats app* dengan Uzir.

Azwa: Kau best la, duduk tengok persembahan Siti Nurhaliza.

Uzir: Mai la sini, tengok Siti menyanyi dengan aku.

Azwa: Mana aku boleh tinggalkan medic post ni. Macam mana kalau ada orang datang?

Uzir: Sejak bila pula kena duduk 24 jam kat medic post tu? Boleh je jalan-jalan.

Uzir: Kes ringan-ringan Nur dan Jali boleh tengok. Kalau masa kau jalan-jalan ada kes berat, dia orang boleh contact kau dan kau balik ke medic post.

(Kata Uzir merujuk SN Nuriah dan PPP Hazali)

Azwa: Tak apa la. Aku dengar Siti menyanyi dari jauh je pun cukup. Sebenarnya malas nak meronda.

Uzir: Suka hati kau la.

Suara Siti jelas kedengaran di tempat mereka berkumpul untuk pasukan perubatan. Cuma tak nampak orangnya.

Uzir: Nak dengar cerita tak?

Azwa: Cerita apa? Cerita je la... tak payah nak tanya-tanya.

Uzir: Tadi kita orang tak dibenarkan duduk kat meja makan.

Azwa: Makan malam?

Uzir: Majlis makan malam tertutup sebelum konsert ni bermula. Urusetia tak sediakan kami satu meja dan tak benarkan kami masuk.

Azwa: Panggil medical team untuk standby tapi tak layan. Baik balik je kalau macam tu.

Uzir: Itu la yang aku cakap kat urusetia. Aku tengok ramai je mak datin dan entah siapa-siapa yang dapat meja. Aku beritahu dia orang, bukannya kami suka-suka datang. Bukannya kebulur nak makan. Tapi datang untuk standby for TPM.

Uzir typing...

Azwa tertunggu-tunggu. Rajin juga mamat ni menaip panjang-panjang.

Uzir: Aku cakap kalau kami tak dapat meja, kami balik. You all take charge la if anything happened to your VVIP. Aku cakap macam tu baru nak bagi meja. Ingat kita terhegeh-hegeh nak datang ke? Baik aku duduk kat rumah main PS3.

Azwa: Hahahaha... itu pasal. Nak dapat medic post ni pun ada masalah sikit. Tak faham aku. Nak orang medical standby tapi layanan entah apa-apa.

Azwa: Eh, okay la. Aku ada patient ni.

Seorang perempuan lanjut usia dipimpin masuk ke dalam oleh perempuan muda.

Melihat gaya dia berjalan seperti tak larat.

"Nenek kata dia pening." Perempuan muda itu membuka mulut.

"Sebenarnya nenek saya demam dah dua hari ni."

"Kalau demam, kenapa datang? Kan sesak dengan orang ramai, tak selesa lagi. Lebih baik rehat di rumah."

"Nenek nak tengok Siti menyanyi. Mana tahu boleh jumpa Siti."

Azwa senyap.

Nek, orang muda pun boleh pengsan dalam keadaan sesak macam ni. Inikan pula nenek yang dah berusia dan tak sihat pulak tu.

Beberapa orang lagi masuk. Ada yang mahu minta pil demam. Ada yang sekadar mahu memeriksa tekanan darah. Tidak ada kes kritikal atau semi kritikal.

"Doktor, saya nak ubat darah tinggi." Seorang lelaki mengeluarkan sekeping kertas selepas Azwa selesai memeriksa dirinya.

Katanya pening dan khuatir tekanan darahnya naik. Bila diperiksa, tekanan darahnya dalam lingkungan bacaan normal.

Azwa membaca kertas yang dihulurkan.

"Ubat ni encik perlu ambil di klinik kesihatan."

"Saya tahu... sebab tu saya minta ubat dari doktor malam ni."

"Encik perlu ambil ubat darah tinggi ni di KK bukannya dengan kami."

"Alah doktor, dah terlanjur saya datang *check* kat sini, bagi je la ubat tu. Satu jenis saja ubat saya. Susah saya nak cari masa pergi klinik kesihatan." Lelaki itu tampak mula hendak naik marah.

"Kami tak bawa ubat ni sebab kami *standby* untuk kes-kes *emergency* saja."

"Aik, ambulans besar macam ni tak kan tak ada bawa ubat yang saya nak." Lelaki itu mempertikaikan ketiadaan ubat.

"Kami hanya ada ubat-ubat untuk kes-kes kecemasan saja encik. Ubat encik ni memang perlu diambil di klinik kesihatan atau jabatan pesakit luar."

Lelaki itu merampas slip di tangan Azwa dan berlalu pergi sambil merungut-rungut.

PPP Hazali menggeleng. "Gila, ingat kita ni KK ke apa? Pergi konsert boleh, pergi KK tak ada masa pulak. Tak faham la orang macam ni."

"Inilah segelintir masyarakat yang tak faham fungsi pasukan perubatan. Kita *standby* untuk kes kecemasan, bukannya jadi klinik untuk bagi ubat darah tinggi atau kencing manis." Tokok SN Nuriah.

Azwa diam. Tidak larat hendak tambah komen mereka. Dia sudah biasa dengan sikap segolongan manusia yang suka ambil jalan mudah, tidak pandai tapi tidak mahu ambil tahu.

4

"Awak, saya ada berita gembira nak *share* dengan awak."
Azwa riang. Tidak sabar memberitahu berita baik kepada Ariff.

Ariff di hujung talian membalas, "Ha, berita apa?"

"Saya dapat *offer* untuk sambung master." Teriak Azwa.

Diam.

Ariff tidak berkata apa-apa.

"Awak, kenapa diam?" Azwa pelik bila Ariff membisu.

"Saya tak tahu nak cakap apa." Keluh Ariff.

Tersentak Azwa. Kegembiraannya kendur dengan reaksi Ariff.

"Awak tak nak ucap tahniah atau sekurang-kurangnya *happy* untuk saya?"

Azwa terkilan. Dia fikir Ariff main-main saja ketika memberitahu dia tidak suka Azwa sambung belajar. Rupanya lelaki itu serius.

"Buat apa nak ucap jika saya tak ikhlas. Baik saya diam."
Balas Ariff, lebih menyakitkan hati Azwa.

"Tak baik awak cakap macam tu."

Azwa mengeluh buat sekian kalinya. Ariff terlalu berterusterang. *Straight to the point.*

Berterusterang memberitahu dia suka Azwa pertama kali mereka bertemu. Tidak berlembang melamar Azwa menjadi teman wanitanya. Malah mengajak kahwin.

Tapi kalau dia tak puas hati, dia akan beritahu. Tak berselindung atau berkias-kias. Adakalanya lebih menyakitkan.

"Kenapa awak tak *happy* dengan berita ni? Kan bagus saya sambung belajar untuk jadi doktor pakar?"

"Saya nak kahwin dengan awak tapi awak sibuk nak sambung belajar. *What do you expect me to say?*"

Azwa diam. Tak tahu nak balas apa.

"Gaji saya lebih dari cukup untuk sara awak. Kalau gaji saya tak cukup, harta mak bapak saya banyak." Ini yang kadang-kadang Azwa menyampah dengan Ariff. Bongkak dengan harta orang tua. Bangga dengan karier yang menawarkan gaji lima angka sebulan.

"Kalau awak nak *resign* pun saya tak kisah. Awak juga yang selalu mengadu letih nak melayan kerenah orang yang datang ke hospital."

Ariff tak berhenti meluahkan isi hatinya.

Azwa tahu tentang gaji lumayan Ariff yang bekerja sebagai jurutera. Lagipun Ariff datang dari keluarga yang berada. Kewangan bukan masalah baginya.

Tetapi dia bukannya gadis yang materialistik. Dia tak mahu mengharapakan kekayaan bakal suami. Dia ingin meraih pendapatan daripada hasil titik peluhnya. Ada kepuasan di situ.

Siapa Ariff untuk memaksa dia berhenti kerja. Jadi isteri pun belum, sudah hendak mengatur hidup aku. Azwa bengang.

"Saya suka dengan kerja saya. Saya mengadu pada awak bukan bermakna saya tak suka jadi doktor. Salah ke saya nak berkongsi cerita dengan orang yang saya sayang?"

"Kenapa awak tak suka saya sambung belajar? Apa salahnya saya jadi doktor pakar?"

"Saya tak kisah awak nak sambung belajar tinggi mana pun. Saya cuma nak kahwin dengan awak. Itu je. Susah sangat ke awak nak faham."

"Macam ni la Azwa. Awak boleh sambung belajar hingga ke USA sekalipun, syaratnya kita kahwin dulu sebelum awak pergi belajar."

"Arif!"

"*Okay*, awak fikir dulu apa yang saya cakap ni."

Ariff terus mematikan talian. Tak sempat Azwa berkata apa-apa. Azwa termenung panjang.

Sedih.

5

"Kau kenapa senyap je?"

"Ha?" Azwa terpinga-pinga ditegur Shanti.

"Tengok tu, berangan entah sampai ke mana. Kita tengah kerja ni. Apa yang kau fikir?" Shanti cuba mengorek rahsia temannya.

Sudah beberapa hari Azwa senyap. Selalunya dia becok bercakap ketika mereka bekerja. Mudah ketawa. Sekarang dia berubah benar, seperti ada emas dalam mulut. Susah Shanti hendak mendengar suaranya.

Azwa cuba tersenyum tapi senyumannya hambar.

"Dah dapat masuk master pun tak *happy*? Bukan kau dah lama nak masuk master ke? Ini macam tak suka je."

"Memang la aku *happy* dapat sambung master. Tapi...." Ayat Azwa terhenti. Dia mengeluh.

"Tapi apa?" Tanya Shanti tidak sabar. Kasihan melihat teman bermuram durja.

"Ada orang lain yang tak *happy* aku dapat master."

"Siapa? *Parents* kau?" Shanti bingung.

"Ish, bukanlah. Mak bapak aku *happy* aku dapat sambung belajar." Potong Azwa.

"*Then* siapa pula?"

"Ariff."

"Ariff?" Shanti mengerutkan dahi. Baru dia teringat dengan teman lelaki Azwa.

"Kenapa dia tak *happy*?" Shanti tak faham. Bukankah dapat sambung belajar untuk menjadi doktor pakar merupakan satu perkara yang baik. Mengapa Ariff tidak gembira dengan berita itu.

"Aku pun tak tahu kenapa."

"Kau tak tanya ke?"

"Tanya tapi dia marah-marah. Dia bagi syarat kalau aku nak sambung belajar."

"Syarat apa?"

"Dia nak aku kahwin dengan dia sebelum pergi sambung belajar."

"So, kau setuju?"

"Aku tak nak kahwin terburu-buru macam ni." Balas Azwa.

"Kan kau dah lama dengan dia? Kenapa kau tak nak kahwin? Kahwin la *then* sambung master. Apa masalahnya?"

Azwa memandang Shanti seperti mahu menelannya. Mengapa rakannya pun tidak memahami dirinya? Shanti seperti tahu Azwa marah dengan apa yang dikatakannya. "Aku salah cakap ke?"

"Aku ingat Ariff je tak faham aku. Rupanya kau pun tak faham aku walaupun kita kawan dah lama." Keluh Azwa.

"Aku memang tak faham. Kau dah lama bercinta dengan dia. Apa yang kau nak tunggu lagi? Orang bercinta bukannya untuk berkahwin ke?" Tukas Shanti.

Azwa terdiam.

Orang bercinta untuk berkahwin?

Azwa terasa hendak menghantuk kepala ke dinding.

Shanti tak salah berkata begitu. Memang orang yang saling bercinta mahu kahwin dengan pasangannya.

Kenapa aku masih keberatan menerima lamaran Ariff?

Haishh... aku pun tak faham dengan diri aku sendiri, Azwa bermonolog.

Nampaknya dia pun tak memahami diri sendiri.

Aku cintakan Ariff tapi kenapa aku masih tak nak kahwin dengan dia?

"Kahwin bukan bermaksud kau tak boleh sambung belajar. Tak ada syarat yang melarang kau untuk kahwin masa masuk master kan?" Soalan Shanti membuatkan lamunan Azwa terpancung.

Azwa memandang Shanti. Berharap persoalan itu tak perlu dijawabnya. Dia sudah cukup terbeban dengan perasaan yang tak diketahuinya.

6

Suasana sunyi. Terasa janggal.

Azwa tak pernah rasa begitu dengan Ariff.

Minuman di depannya dipandang. Air sirap kegemaran yang terletak di atas meja tidak mampu menyejukkan hati.

Ariff pun diam.

Masing-masing membisu.

"Awak dah buat keputusan?"

Akhirnya Ariff mengalah. Memecah keheningan antara mereka.

"Keputusan apa?"

"Soalan saya hari tu?"

"Yang mana?"

Ariff mengeluh. Berkerut dahinya. Dia memandang Azwa.

"Kita kahwin sebelum awak pergi sambung belajar."

"Tak adil awak buat saya macam ni. Ada masa sebulan je lagi untuk saya sambung belajar."

"Cukuplah masa sebulan. Kita kenal dah lama. Bukannya kita budak-budak lagi."

"Saya tak mahu terburu-buru."

"Apa lagi yang awak nak tunggu?"

"Saya tak mahu kahwin terpaksa macam ni."

"Siapa pula yang paksa awak?"

"Awak la. Awak bagi kata dua macam ni sama la awak paksa saya."

"Eh Azwa, saya tak faham la. Awak sayang saya. Saya sayang awak. Apa masalahnya kalau kita kahwin."

"Tak boleh ke awak bagi masa pada saya?"

"Awak nak berapa banyak lagi masa? Kita kenal dah enam tahun, Azwa. Enam tahun!" Tekan Ariff.

"Saya belum bersedia untuk kahwin." Azwa semakin rimas didesak Ariff.

"Beginilah, kalau awak tak nak kahwin dengan saya dalam masa terdekat ni, kita putus je."

"Ariff!" Bulat mata Azwa merenung lelaki di depannya. Perasaan terkejutnya tidak dapat disorokkan.

"Saya... saya tak ada niat nak berpisah dengan awak. Saya cuma perlukan masa."

"Saya penat tunggu awak. Kita kenal masa awak *final year student*. Awak kata tunggu lepas awak *grad*. Then awak kata nak kerja dulu. *Fine, I let you work first*."

"Sekarang ni saya kena tunggu awak habis master pulak? Tua saya menunggu awak."

Mengenangkan mereka berada di tempat awam, Ariff tidak jadi berteriak.

Dia hilang sabar dengan Azwa yang seperti bermain tarik tali dengannya.

"Apa yang awak nak dalam hidup ni sebenarnya, Azwa?"

Azwa terdiam. Wajahnya muram. Namun tiada setitis air mata yang keluar. Ya, sedih macam mana sekalipun, dia tak akan menangis di depan lelaki ini.

Apa yang aku nak dalam hidup?

Soalan Ariff membuatkan Azwa keliru.

Aku pun tak tahu apa yang aku nak dalam hidup. Macam mana aku nak kahwin dengan kau Ariff?

"Kadang-kadang saya tertanya-tanya. Saya ni tak cukup hebat untuk awak ke? Saya ni tak layak untuk awak? Sampai awak sanggup biarkan saya tunggu awak sebegini lama." Suara Ariff perlahan.

Azwa kehilangan kata-kata.

Tak Ariff, kau lelaki yang baik. Cuma aku yang tak pasti. Aku yang takut untuk menjadi pasangan hidup kau.

"Maafkan saya Azwa. Kita berhenti di sini. Kita putus. Biar saya cari orang lain yang lebih menghargai diri saya. Awak... awak boleh jadi doktor pakar sebagaimana yang awak impikan. Cari lelaki lain yang lebih layak untuk awak."

Selesai mengucapkan ayat itu, Ariff melangkah keluar. Dia singgah di kaunter membayar harga minuman dan kemudian hilang. Hilang dari pandangan mata Azwa.

Azwa bungkam di kerusi.

Ariff sudah tinggalkan dia.

"Kenapa nampak sedih je ni?"

Azwa menoleh. Ibu duduk bersimpuh di sebelahnya.

Azwa tunduk. Seakan-akan mahu menangis. Baby Tom dalam pelukan diusap-usap. Kucing itu menggeliat manja, suka dibelai tuannya.

"Orang dah berpisah dengan Ariff." Perlahan suara Azwa, hampir tidak kedengaran di telinga Puan Rahmah. Dia bahasakan diri sebagai 'orang' dengan ibunya, sudah terbiasa begitu.

"Berpisah dengan Ariff? Kenapa?" Terkejut Puan Rahmah. Tiada angin, tiada ribut.

"Ariff tak *happy* orang nak pergi sambung master. Dia ajak orang kahwin sebelum orang pergi sambung master tapi orang tak nak."

"Kan memang dah lama Ariff ajak Wa kahwin." Lembut Puan Rahmah bertanya. Dia sedia maklum persahabatan Ariff dengan anaknya. Cuma dia tidak faham mengapa Azwa masih enggan menerima lamaran Ariff.

"Orang pun tak tahu nak cakap la bu. Orang sayang dia tapi belum nak kahwin lagi dengan dia." Azwa berterusterang.

Kadang-kadang Azwa tidak mengerti dengan dirinya sendiri. Mengapa dia teragak-agak mahu menerima Ariff sebagai pasangan hidup sedangkan dia sayang lelaki itu. Adakah dia tak cukup sayangkan Ariff?

"Kalau ibu jadi Ariff pun ibu bengang. Dah lama Ariff tunggu Wa."

"Ibu ni, kenapa *support* Ariff? Siapa anak ibu sebenarnya? Wa ke Ariff?" Protes Azwa.

Puan Rahmah tergelak kecil.

"Ibu bukan sokong Ariff. Ibu cuma cakap apa yang ibu nampak."

"Walau apa pun, ibu nak Wa buat keputusan yang terbaik untuk Wa. Ibu tetap sokong apa saja keputusan Wa. Ibu tak nak Wa buat keputusan kahwin dengan Ariff dengan perasaan terpaksa."

"Terima kasih ibu." Akhirnya mengalir juga air mata Azwa. Baby Tom dicitum-citum.

"Kebahagiaan Wa yang paling penting. Ibu nak Wa bahagia." Puan Rahmah senyum.

"Baby Tom pun sayangkan Wa juga."

Baby Tom mengiau, mengiyakan.

8

Azwa memandang sekeliling resus. Hari ini hari terakhir dia bekerja di sini. Beberapa hari lagi dia akan memulakan kerja di tempat baru. Entah macam mana dia di tempat baru nanti, Azwa tidak dapat membayangkannya.

Segala kenangan yang pernah dilalui di sini berlumba-lumba menerpa ke ingatan. Empat tahun bukan jangka masa yang sekejap. Hari pertama menjadi MO di jabatan kecemasan, dia disambut mesra oleh semua PPP dan *staff nurse*, juga rakan-rakan doktor.

Bohong kalau dikatakan tidak ada masalah sepanjang bekerja, namun masalah yang dihadapi membuatkan dia lebih matang dalam menghadapi hari-hari mendatang.

Cabaran dan dugaan menangani kes demi kes mengajar dia bahawa kehidupan ini amat singkat. Setiap saat berharga. Tidak boleh disia-siakan walau sedetik cuma kerana sedetik itulah yang memisahkan antara hidup dan mati.

Menghadapi kematian pesakit menyedarkan Azwa bahawa kuasa Allah sangat besar, mengatasi segala-galanya. Apabila sampai ajal, tidak terlewat atau tercepat walau sesaat.

“Sedih nak tinggalkan tempat ni?”

Azwa menoleh. Wajah Shanti dipandang sambil tersenyum. Dia akan berpisah dengan teman baiknya. Dan dia akan menemui rakan-rakan baru kelak.

Sememangnya dalam hidup ini tidak ada yang kekal. Semuanya hanya sementara.

"Sedih la juga." Akui Azwa jujur.

"Aku tak tahu macam mana aku kat sana nanti." Sambung Azwa, merenung masa depan yang tidak diketahui.

Mereka baru selesai menjalankan proses resusitasi ke atas seorang pesakit yang mengalami *acute myocardial infarction*. Ketika ubat *streptokinase* dimasukkan, tiba-tiba sahaja pesakit tidak sedarkan diri dan *cardiac monitor* menunjukkan *ventricular fibrillation*.

Lekas-lekas SN Raihan memanggil Azwa yang sedang sibuk menulis di fail pesakit. Shanti yang baru masuk ke *resus* untuk syif petang bergegas menolong Azwa.

Bergilir-gilir Shanti dan PPP Tee melakukan *chest compression*. Sementara Azwa tidak jauh dari mesin *defibrillator* untuk memberikan renjatan elektrik setiap kali *cardiac monitor* menayangkan *shockable rhythm*. SN Pamela menjadi pencatat masa dan ubat-ubatan yang diberikan.

"*Shock delivered four times, amiodarone and adrenaline given.*" Azwa memaklumkan kepada *MO cardio* tentang apa yang terjadi kepada pesakit melalui telefon selepas selesai resusitasi.

Hampir 20 minit mereka bertungkus-lumus melakukan segalanya, pesakit kembali kepada *sinus rhythm*. Semua di situ menarik nafas lega apabila *carotid pulse* dapat dikesan.

Kalau nadi tidak dirasai tapi *cardiac monitor* menayangkan *sinus rhythm* bermaksud pesakit dalam keadaan *pulseless electrical activity* atau *PEA*.

Sebaik saja Azwa mengesahkan dia dapat merasai *carotid pulse*, masing-masing tersenyum.

"*Sure* ya bukan *pulse* kau?" Soal Shanti. Kedengarannya seperti berseloroh tetapi dia serius bertanya kerana ada masanya pemeriksa boleh keliru dengan nadi sendiri.

"*Confirm, patients' pulse.*" Jawab Azwa yakin.

Alhamdulillah, bisik Azwa. Pesakit selamat dihantar ke wad.

Azwa tidak balik terus ke rumah sebaliknya masih berlengah-lengah di resus. Kes terakhirnya di sini, pesakit *acute myocardial infarction* yang mengalami *ventricular fibrillation* menjadi penutup buat dirinya.

Azwa tahu dan yakin dia akan menerima kes yang sama di tempat baru. Cuma segalanya menjadi lebih mengesankan kerana ini hari terakhirnya di sini. Entah bila lagi dia akan pulang bekerja di sini.

"Kau akan baik-baik saja di mana pun kau berada." Kata Shanti menjejutkan Azwa yang melamun.

"Aku yakin dengan kau. Aku tahu kau akan jadi seorang pakar kecemasan yang cemerlang. Aku akan sentiasa mendoakan kau."

Azwa tiba-tiba sebak. "Shanti...."

"Jangan lupakan aku kalau kau dah jumpa kawan baru nanti." Shanti mengingatkan Azwa.

"Aku tak akan lupakan kau. Kau kawan baik aku kat sini."

Azwa pandang Shanti. Shanti senyum.

Selamat tinggal teman.

Selamat tinggal Ariff.

Ibu, ayah... Wa pergi untuk menuntut ilmu.

Baby Tom, I will miss you.

10

"What is the criteria for high quality CPR?"

Bercampur aduk jawapan kerana peserta berebut mahu menjawab.

"Okay, kamu yang baju hijau."

Fazlin berpandangan dengan Azwa. *"Seronok juga buat BLS ya."*

Mereka berdua antara fasilitator yang terlibat dalam mengajar *houseman* yang menjadi peserta kursus *Basic Life Support (BLS)*.

"Push fast and push hard." Peserta berbaju hijau menjawab.

"Okay, when you say push fast and push hard, how fast? How hard?"

"Chest compression at least 100 per minute."

"Good. How about the depth?"

"At least 5 cm."

Aida, pelajar master tahun akhir yang menyampaikan *lecture* tampak berpuas hati dengan keaktifan peserta dalam memberi jawapan.

"What else?"

"Minimize interruption."

"Allow complete chest recoil."

"Avoid excessive ventilation."

"Good! Good! Baguslah *you all* ni. Dah baca sebelum datang kursus ya?"

Aida sangat gembira. Kumpulan kali ini sangat proaktif. Kursus sebelum ini ada kumpulan yang pasif. Ditanya pun tidak menjawab.

Apabila peserta aktif menjawab, terserlah kesungguhan mereka untuk belajar. Penceramah dan fasilitator kursus menjadi lebih bersemangat untuk mengajar dan berkongsi ilmu.

"Seronok kan mengajar?" Tanya Aida ketika waktu minum pagi.

Fazlin dan Azwa mengganggu.

"Best. Thank you sebab ajak kami." Kata Azwa.

"Bila mengajar, kita bukan setakat berkongsi ilmu, kita belajar macam mana nak mengajar. Kita belajar cara-cara menyampaikan ilmu hingga orang lain boleh faham." Ujar Aida.

Azwa melihat Aida sebagai seorang individu yang tak banyak bercakap tapi apabila dia bercakap, isi percakapannya sangat bernas. Aida tak bercakap perkara kosong atau perkara yang membuang masa.

Banyak yang aku boleh belajar daripada *senior*, detik Azwa.

"Kursus lepas ni korang pulak kena *handle* nanti."

"Insya Allah." Balas Fazlin pula.

Azwa tersenyum.

Hampir tiga bulan Azwa bergelar pelajar perubatan sarjana. Bukan satu perkara yang mudah. Melanjutkan pelajaran dalam program master menuntut komitmen yang tinggi.

Mereka bukan belajar semata-mata seperti pelajar *undergraduate*. Untuk pelajar *postgraduate*, belajar dan bekerja dalam masa yang sama. Tidak ada istilah bekerja separuh masa untuk mereka.

Bekerja mengikut syif yang ditentukan. Kalau ada kelas serentak dengan waktu kerja, mereka harus mendahulukan kerja kerana perkhidmatan kepada pelanggan atau pesakit lebih diutamakan.

Bukan semua orang boleh hadir ke kelas kerana ada yang harus bekerja. Jika semuanya hadir ke kelas, siapa pula yang mahu bekerja merawat pesakit.

MO servis tidak begitu ramai. Mereka yang sedang menjalani program master tetap diperlukan untuk memastikan jabatan terus berfungsi. Lagipun kerja merupakan pembelajaran praktikal yang sangat efektif.

Tidak seperti pelajar *undergraduate* yang mempunyai kelas setiap hari, kelas mereka hanya seminggu sekali. Usaha untuk belajar sendiri perlu lebih lagi. Tidak boleh menunggu disuap ilmu seperti ketika zaman *undergraduate*. Sekurang-kurangnya itulah yang Azwa rasakan setakat ini.

Ilmu tidak cukup hanya dipelajari sewaktu kelas yang diadakan sekali dalam seminggu. Sebaliknya mereka belajar lebih banyak daripada doktor pakar sewaktu *round* bersama mereka, ketika merawat pesakit.

Kena rajin baca buku dan jurnal, segala jenis *guideline* berkaitan yang relevan dengan bidang kecemasan. Ada saja benda baru, kena cakna dan ambil tahu. Tak boleh jadi katak bawah tempurung. Jangan sampai, orang guna *guideline* baru, kita guna *guideline* zaman tuk kaduk.

Sebelum masuk master, Azwa bekerja saja. Tak terfikir untuk membuka buku atau menelaah ilmu baru. Selepas masuk master, belajar dan bekerja dalam masa yang sama. Berkali-ganda sibuknya.

Namun Azwa menyukai kesibukan sekarang. Membuatkan dia lupa pada Ariff yang membuang dia dari hidupnya. Ariff yang memutuskan percintaan mereka.

Kini Azwa mahu fokus kepada impiannya menjadi pakar kecemasan. Tidak mahu dibelenggu perasaan sedih akibat putus cinta dengan Ariff.

"Ha, berangan!" Tegur Fazlin.

Azwa senyum. "Bukan berangan la."

"Kalau tak berangan, kau buat apa." Tukas Fazlin tidak mahu kalah.

"Aku berfikir."

"Ya la tu." Fazlin mencebik.

"Betul, aku seronok dapat masuk master." Azwa bersungguh meyakinkan Fazlin.

"Baru berapa bulan kita kat sini. Lepas ni meroyan kau bila kita makin sibuk dan nak *exam* nanti." Ujar Fazlin.

Azwa tersengih. Tidak ada hujah untuk membalas kata-kata Fazlin.

"Jom minum pagi." Ajak Aida sekaligus mematikan perbualan mereka berdua.

Selesai minum pagi mereka akan bermula dengan demonstrasi bagi setiap stesen. Ada lima stesen.

One man CPR.

Two man CPR with AED

Adult choking

Infant CPR

Infant choking

Azwa memandang *mannequin half body* yang tegak di atas meja dan *mannequin full body* yang tergeletak di atas lantai. Semua *mannequin* akan digunakan untuk *skill station* selepas minum pagi.

(For AHA 2015, chest compression between 100-120 per minute and depth between 5-6 cm)

"Seronok kelas dengan Dr Firas hari ni. Walaupun aku tak dapat jawab bila dia tanya." Berseri-seri muka Azwa selepas habis kelas.

"Lin, Ati, Fidah, lepas ni kita pasang segala jenis *line*. *Art line*, *central line*, *peripheral line*, *IO*. Pendek kata semua jenis *line* yang ada." Bersemangat Azwa.

"Eh, tapi Fidah, kau tak apa. Kau dah *expert*. Kau kan *anaes* dulu. Mesti kau senang pasang semua jenis *line*." Sambung Azwa.

Azwa, Fazlin dan Izzati bekerja di jabatan kecemasan sebelum menyambung master. Cuma Hafidah sahaja yang bekerja di jabatan bius (*anaesthesiology*) sebelum memilih untuk sambung master dalam bahagian kecemasan. Katanya mahu cuba perkara baru. Dia tak mahu menjadi pakar bius sebaliknya berhasrat menjadi pakar kecemasan.

Hafidah senyum. "Biasa je. Korang selalu pasang *line* juga dulu. Mesti korang pun *expert* dengan *difficult line*."

"*Peripheral line* memang banyak. *Central line* ada juga. *Art line* jarang-jarang. *IO* kalau ada kes budak yang *veins* dah *collapsed* dan *dehydrated* gila." Celah Fazlin.

"*Central line* aku *prefer subclavian* daripada *IJC*. Aku punya *IJC fifty percent chance of success*. Kalau *subclavian* Insya Allah *higher percentage of success*." Kata Izzati.

"Aku tak pernah pasang *art line* kat hospital lama. Kat sini baru aku belajar pasang *artline*." Akui Azwa.

"Insya Allah, kita belajar sama-sama." Tokok Izzati.

Fazlin tersenyum.

"Kau dah kenapa Lin, sengih tak habis?" Tegur Hafidah.

"Aku? Bukan aku la wei. Member kita sorang ni. Kau orang tak perasan ke? Hyperaktif lepas kelas Dr Firas." Usik Fazlin. Dari tadi dia perasan dengan sikap Azwa yang nampak teruja ketika kelas Dr Firas.

"Eh, bukan aku sorang je. Kau orang semua pun suka kelas dia kan." Azwa cuba membela diri.

"Hahaha... tapi tak ada la macam kau." Tambah Fazlin.

"Ada orang waktu kelas dengan Prof Azhar minggu lepas bukannya dengar apa yang prof cakap, sibuk tenung muka prof." Ungkit Azwa.

Prof Azhar, pakar tulang (*orthopedic*) yang dijemput untuk CME seminggu sebelumnya terkenal antara doktor yang mempunyai paras rupa kacak di hospital.

"Haruslah menikmati keindahan ciptaan Tuhan." Sambut Fazlin diikuti gelak besar Izzati dan Hafidah.

"Kau tak dengar ke tadi dalam kelas, Dr Firas ungkit aku tak dapat jawab masa *round*." Tiba-tiba Azwa teringat sesuatu.

"*Part* yang mana? Kenapa aku tak perasan?" Izzati berfikir. Tak pasti yang mana satu yang Azwa maksudkan.

"Kan dia ada cakap, *Azwa knows nothing about the brain*." Azwa mengajuk kata-kata Dr Firas.

Fazlin menekup mulut. Ketawanya terburai semula. "Hahahaha... mula-mula aku pun *blur*. Lepas tu baru aku teringat. Yang kita *round* sama dia semalam kan?"

"Ha... ya la... kau kan ada waktu tu juga. Kau dapat jawab, aku tak dapat."

"*But at least I know one thing for sure. I have brain.*"
Sambung Azwa.

"Depan dia kau tak berani pulak nak cakap ayat tu." Bidas Izzati.

"Nak kena *smash* lagi teruk ke?" Azwa tersengih.

Tahun pertama program master kecemasan. Enam bulan di *posting anaesthesiology* dan enam bulan bertugas di tempat sendiri iaitu jabatan kecemasan.

Seronok belajar. Gembira bersama teman-teman. Walaupun penat bekerja dan belajar, momen seperti ini membuatkan Azwa masih mampu tersenyum.

Keputusan untuk sambung belajar dan memasuki program master adalah keputusan yang tepat.

Anjakan paradigma. Belajar perkara baru setiap hari.

Berkenalan dengan kawan baru. Bekerja dengan boss baru. Stress yang baru juga.

Sekurang-kurangnya Azwa gembira sekarang.

12

Selepas pukul lima petang, Azwa yang berada dalam *posting anaesthesiology* ditugaskan untuk mengikuti Hazman, doktor bius yang menerima rujukan kes daripada wad atau jabatan kecemasan hari ini.

"Jom!" Ajak Hazman.

"Ada kes kat mana?" Tanya Azwa.

"A&E." Jawab Hazman pendek.

Azwa senang bersama Hazman, antara *MO anaes* yang menerima baik kehadiran orang kecemasan. Ya, bukan semuanya bersikap seperti Hazman.

Ada yang bersikap kiasu dan memandang sebelah mata bila MO A&E buat *attachment* di jabatan bius. Namun Azwa mengakui, ramai lagi yang baik-baik dan sedia berkongsi ilmu dengan orang jabatan lain.

Azwa tersenyum melihat Amri yang menjaga resus. *Staff nurse* dan PPP turut menegur melihat Azwa mengekori Hazman.

Pesakit mengalami *massive pulmonary embolism*. Muda belia orangnya. *Student nurse*. Maklumat yang diperolehi daripada Amri. Pesakit tak mampu bercakap lagi. Tercungap-cungap bernafas dan tidak sedar sepenuhnya. Tidak mengenali orang sekeliling.

Badannya berisi. Doktor anaestesiologi dipanggil kerana dikhuatiri menghadapi kesukaran untuk melakukan prosedur intubasi. *Difficult intubation*.

Semasa mereka hendak memulakan proses intubasi, denyutan jantung pesakit semakin perlahan. *Bradycardia*.

Semua di situ memandang skrin dengan cemas. Bunyi di skrin bertukar. *Asystole*.

"CPR!" Jerit Amri.

Hazman dan Azwa setia di bahagian atas kepala, menjaga bahagian *airway*.

PPP Luis melakukan *chest compression*.

"Dah bagi *alteplase* ke *patient* ni?" Tanya Hazman.

"*On going. 100 mg over two hours*. Tak habis lagi tu."
Jawab Amri.

"*Two minutes, rhythm check!*"

Dua minit berlalu dengan pantas. Skrin menunjukkan garisan yang tidak teratur. *Ventricular fibrillation*. Amri memutar butang ke aras 200J. *Paddle* dicapai dan diletakkan di atas dada pesakit.

"*Charge!*"

"*One, I'm clear! Two, you clear! Three, everyone clear!*"

"*Shock!*"

Chest compression disambung selepas Amri melakukan *defibrillation*.

Ketika pemeriksaan *rhythm* seterusnya, Amri bersedia untuk meletakkan *probe echo* di dada pesakit.

"*Cardiac tamponade!*"

Azwa dan Hazman memandang mesin *ultrasound*. Kelihatan cecair terkumpul di ruang *pericardium* (lapisan yang menyelaputi jantung).

Dengan pantas Amri mencucuk *angiocatheter* di bawah *xiphoid process*. Arah jarum menghala ke bahu kiri pesakit. *Pericardiocentesis*. Cecair berwarna kekuningan keluar ketika *syringe* yang disambung ke *angiocatheter* ditarik.

Skrin menunjukkan *rhythm* yang teratur. *Oganized rhythm*. Denyutan nadi di *carotid* dapat dirasai.

Amri senyum. Berpeluh dia dibuatnya.

Azwa dan Hazman menghela nafas lega.

"*Action-packed*, kalah Vin Diesel punya *movie*." Komen Amri selepas keadaan beransur reda.

13

Azwa berasa sunyi detik ini. Tak tahu mengapa. Berteman *Kerry Brandis, Costanzo, Katzung*. Tapi tidak dapat menghargai mereka.

Kenapa aku ambil master?

Kenapa aku sanggup berjauhan daripada kedua orang tua dan Baby Tom?

Kenapa?

Azwa bermonolog dalam hati.

Tiba-tiba rindu pada keluarga dan kucingnya.

Kenapa aku buat semua ini....

Ingatannya terbang pada pertemuan petang tadi.

"Apa khabar? *Okay* hari ini?" Tanya Azwa.

Pesakit menganggu. Senyum.

Azwa seperti hendak menangis melihat pesakit *massive pumonary embolism* tempohari masih bernafas dan boleh berbual dengannya di wad.

Kuasa Tuhan Maha Besar. Belum sampai masa yang ditentukan oleh-Nya, tetap tak akan pergi walau apa pun yang berlaku.

Pesakit tidak mengenali Azwa. Semasa Azwa melihat dia di jabatan kecemasan, dia sedang bertarung nyawa.

Sudah tentu dia tidak cam Azwa atau sesiapa saja yang menolongnya pada waktu itu.

“Doktor ada masa saya kritikal hari tu?”

Azwa mengangguk.

“Terima kasih tolong saya.”

Azwa tak membalas. Cuma senyum. Melihat pesakit yang mampu bercakap di depannya sekarang seperti satu keajaiban. Azwa sedar, tidak ada yang mustahil dengan kuasa Tuhan.

“Saya rasa seperti diberi peluang kedua untuk hidup. Saya akan belajar dan jadi *nurse* yang dapat tolong orang lain pula.” Janji pesakit itu membuat Azwa semakin terharu.

Ya, kerana ini aku menuntut ilmu di tempat asing.

Tinggal segalanya. Malah dibuang oleh orang yang disayangi. Semakin lama, hatinya lebih terpujuk.

Melihat pesakit yang beransur baik, membuatkan Azwa tahu mengapa dia berada di tempatnya sekarang.

Laparnya perut.

Azwa berfikir mahu mengajak Izzati makan di kafe enzo. Dilihatnya ramai orang di zon hijau yang juga disebut *consultation*. Kerusi yang disediakan di ruang menunggu zon hijau penuh. Tidak ada yang kosong. Malah ramai yang berdiri menanti giliran.

Pesakit seorang, yang menemaninya satu rombongan.

Azwa tak faham. Kenapa rakyat Malaysia suka beramai-ramai ke hospital menenangkan pesakit.

Yang duduk di kerusi bukan pesakit, sebaliknya ahli keluarga atau rakan-rakan pesakit yang mengambil ruang yang sepatutnya dikhaskan untuk pesakit.

Sebuah televisyen yang disediakan menjadi tontonan. Bosan agaknya tak tahu apa yang mahu dibuat sementara menunggu di hospital.

Ramai juga yang membelek *handphone*. Zaman sekarang, kebanyakan orang taksab dengan gajet yang dimiliki. Kalau tak *handphone*, *tablet* pula.

Mungkin mereka membaca *ebook* di *tablet* atau *handphone*. Azwa bersangka baik.

Ada yang berbual sesama sendiri. Tidak pasti sama ada memang saling mengenali atau baru berkenalan di ruang menunggu jabatan kecemasan. Yang duduk termenung sahaja pun ada.

Bukankah bagus kalau membaca buku sementara menunggu. Budaya membaca sangat kurang dalam diri masyarakat Malaysia. Orang sakit mungkin tak larat membaca.

Bagaimana dengan ahli keluarga atau rakan yang menemani pesakit. Daripada duduk saja membazir masa, lebih baik masa digunakan untuk membaca.

Barangkali hospital boleh menyediakan bahan bacaan untuk waris yang menunggu.

Eh, tapi bagaimana kalau bahan bacaan hilang diambil atau dibawa pulang ke rumah oleh orang ramai. Maklumlah, rakyat Malaysia gemar barang percuma.

Panjang pula Azwa berfikir hanya dengan melihat orang ramai yang menunggu di sini.

'Ah, buat apa aku susah payah fikir pasal mereka. Lebih baik aku fikirkan perut yang dah main lagu *rap* ni.'

Teringat roti arab dan milo dinosaur membuatkan kecur air liur Azwa.

"Jom makan."

Menonong Izzati keluar dari *consultation* tanpa menoleh ke kiri dan ke kanan.

Terkejut Azwa disapa ketika dia sedang galak berfikir.

"Eh, tapi aku nak ke resus kejap, ambil beg aku." Izzati berhenti mendadak. Nyaris-nyaris Azwa terlanggar temannya.

Azwa pelik. "Kau kerja kat *consultation* pagi ni, macam mana beg kau boleh ada kat resus?"

"Aku datang awal pagi tadi, borak-borak dengan Suria kat resus. Aku pergi *consultation*, lupa nak bawa beg. Stetoskop, pen dan cop dah dalam *scrub*. Aku minta Suria simpankan beg aku kat resus sebab aku malas nak patah balik ambil pagi tadi." Terang Izzati.

Untuk ke resus, mereka melalui *Minor OT*.

"Cepat la, aku malas nak terserempak dengan Dr Firas." Kata Azwa.

"Kenapa? Bukan kau suka ke jumpa dia?" Giat Izzati.

"Fobia jumpa dia. Asal jumpa, suruh *study*. Macam tak ada perkataan lain nak sebut."

Izzati ketawa mendengar penjelasan Azwa.

"Eh, baik-baik Ati. Macam ada orang nak keluar." Ujar Azwa apabila melihat pintu *Minor OT* ditolak dari dalam.

Tak nampak siapa gerangan yang ingin keluar dari situ.

Azwa cepat-cepat menarik Izzati menjauhi pintu, bimbang dia kena tolak dengan pintu.

Nampak seseorang berbaju kemeja biru muda.

Rupanya Dr Firas. Terkejut Azwa dan Izzati. Punya nak mengelak daripada Dr Firas. Terserempak juga di *Minor OT*. Dr Firas tidak berkata apa-apa.

Mereka berdua terus masuk ke resus.

Kak Raihan yang berada dalam resus tersengih melihat mereka berdua. "Pergi mana ni kelam-kabut?"

"Nak lari dari boss." Izzati tak berselindung.

"Akak beritahu boss la kau orang ada kat resus ni."

"Bagitahu la... tak takut."

"Dah terserempak pun dengan dia tadi." Kata Izzati.

"Korang nak lari ikut pintu kecil tu ke?"

"Pintu mana kak?" Azwa bertanya-tanya.

Kak Raihan menuding jari.

Eh, ada pintu di sebelah mesin ABG. Kenapa aku tak pernah perasan pintu ni, fikir Azwa.

"Aku tak pernah perasan selama ni ada pintu kat sini." Izzati menyuarakan perkara yang sama.

"Pintu ni menghala ke mana?" Soal Izzati.

"Manalah aku tahu. Aku pun baru tahu ada pintu kat sini." Balas Azwa.

Rupanya dalam hidup ni ada banyak lagi benda yang kita tak tahu.

"Susah la macam ni."

"Kenapa?"

"Semua orang serbu hospital dan nak buat *throat swab*. Berbuhih mulut cakap tak perlu buat *investigation* tu untuk semua orang. Hanya segelintir saja yang perlu buat, contohnya yang ada *co-morbid factor* atau *sign of severe disease*."

"*Explain* la baik-baik kat dia orang."

"Dah *explain* tapi degil tak nak percaya. Ada yang sampai marah-marah bila kita kata tak perlu buat."

"Sampai terpaksa call *specialist* tadi. Sebab *relative patient* tak nak percaya doktor kecik macam aku. Cakap aku tak laku. Dia nak jumpa doktor pakar je. Tak terima langsung apa yang aku cakap."

"Bila Dr Malin datang, ha... benda yang sama juga yang dia cakap dengan *relative patient*."

"Tapi sebab dia yang cakap, ada *title* pakar, orang percaya dan boleh terima. MO macam kita, cakap tak laku."

"Nak buat macam mana? Dah mentaliti segelintir rakyat Malaysia memang macam ni."

"Tak apa, kita belajar rajin-rajin. Tak lama lagi kita akan jadi pakar. Anggaplah ini motivasi untuk kita lulus *exam*

dan jadi *specialist*. Supaya cakap kita laku di mata orang."

Teringat peristiwa siang tadi.

"Saya datang sini sebab nak doktor cek anak saya. Demam, sakit tekak. Saya dengar kat hospital ni boleh ambil sampel tekak."

Azwa mendengar dengan tekun permintaan lelaki tersebut.

"*Private* hospital tak ada buat. Saya dah pergi sana tadi. Katanya kat *government* hospital ada, sebab tu saya datang."

Selepas selesai lelaki itu bercakap, baru Azwa mula bersuara. "Saya faham kerisauan encik tapi pemeriksaan sampel tekak bukan untuk semua orang."

"Kita buat ujian tu untuk pesakit yang teruk atau segelintir pesakit contohnya yang ada penyakit melibatkan sistem pernafasan seperti *asthma* dan *COPD* atau pesakit yang ada banyak masalah kesihatan seperti darah tinggi, kencing, manis, sakit buah pinggang."

Berubah muka lelaki itu mendengar kata-kata Azwa. "Habis, nak tunggu anak saya jadi teruk baru nak *check*?" Tangannya diletakkan di pinggang. Marah.

Azwa mengerling anak lelaki itu yang duduk diam di kerusi di depannya. Budak berusia 15 tahun itu kelihatan segar bugar. Pemeriksaan suhu yang dilakukan adalah normal, manakala pemeriksaan fizikal tidak menunjukkan apa-apa masalah. Tekaknya tidak bengkak atau merah.

"Bukan macam tu encik. Kami...."

"Bukannya pakai duit awak nak buat penyiasatan sampel tekak. Guna duit kerajaan. Yang kedekut sangat tu kenapa?" Lelaki itu memotong cakap Azwa.

"Encik, kami...."

"Saya nak cakap dengan doktor pakar. Saya tak mahu cakap dengan awak lagi. Tak guna cakap dengan awak. Buang masa saya je!" Lelaki itu sangat angkuh membuatkan Azwa meluat.

Azwa ingin memanggil registrar bertugas, Dahlan untuk menyelesaikan masalah ini. Munir yang menjaga resus memberitahu Dahlan keluar untuk satu panggilan ambulans, *labour call*. Mahu tak mahu, Azwa terpaksa memanggil Dr Malin, *specialist* bertugas yang bertanggungjawab di zon hijau pagi ini.

Mujur Dr Malin tidak banyak bertanya ketika Azwa menerangkan situasi kepadanya melalui telefon. Dr Malin segera datang ke zon hijau dan berjumpa dengan lelaki itu.

Ajaibnya lelaki itu seperti tikus apabila berdepan dengan Dr Malin. Dia tidak banyak bertanya atau bercakap ketika Dr Malin memberi penerangan. Walhal, isi yang dikatakan Dr Malin serupa dengan apa yang Azwa maklumkan pada lelaki itu.

"Kamu ni Azwa, macam ni pun tak boleh *handle*? Okay je saya tengok orangnya, boleh terima apa yang saya cakap." Perli Dr Malin ketika lelaki itu sudah beredar meninggalkan mereka.

Sentap pula Azwa bila dituduh begitu. "Dengan boss dia tak berani cakap banyak sebab boss *specialist*. Saya ni MO je."

"Ada caranya bercakap dengan orang awam. Tak lama lagi nanti kamu jadi *specialist*. Kalau perkara mudah macam ni pun kamu tak boleh *handle*, macam mana nak *settle* masalah lain yang lebih besar." Nasihat Dr Malin sebelum beredar dari zon hijau.

Azwa sebal mendengarkannya. Baik tak payah jadi *specialist* kalau tak boleh tolong MO sendiri, bisik hati Azwa. Geram.

"*Patient blue! Patient blue!*"

Suara Dr Firas lantang kedengaran.

Hafidah angkat kening. "Habis *participant* ACLS kena dengan dia. Dah la suara macam guruh. Lagi panik *participant*."

Dr Firas memang begitu kalau menguji peserta sewaktu kursus. Peserta yang *cool* pun boleh kelam-kabut dibuatnya.

Azwa sengih.

"Kalau aku yang kena *test* dengan dia pun boleh *thought block*. Dengar suara dia terus hilang semua *algorithm*." Bisik Azwa pada Hafidah.

"Tu la pasal, nasib baik kita dah *pass* ACLS. Mujur tak dapat dia sebagai *examiner* masa ACLS kita." Balas Hafidah.

Azwa, Hafidah, Fazlin dan Izzati sudah menyertai ACLS sebagai peserta dalam kursus yang diadakan sebelum ini. Keempat-empat mereka lulus. Azwa dan Hafidah menjadi *tagging* fasilitator dalam ACLS kali ini. Manakala Fazlin dan Izzati akan dipanggil menjadi fasilitator dalam ACLS seterusnya.

"*Ok, you said that it is VF on cardiac monitor. So, what are you supposed to do now?*" Tanya Dr Firas melihat peserta perempuan itu terkaku.

Muka peserta perempuan itu seakan-akan mahu menangis.

"*Chest compression...*" Terketar-ketar peserta yang diuji menjawab.

"*What else you should do apart from chest compression? What is more important thing to do when you saw VF on the monitor?*"

Peserta itu terdiam berjurus lamanya. Azwa dan Fazlin yang menyaksikannya berasa kasihan. Seperti ditembak bertalu-talu tapi tak dapat mempertahankan diri.

Defib... defib... Azwa ingin membisikkan jawapan kepada peserta itu. Tetapi tak mungkin. Nak kena marah dengan Dr Firas kalau dia berbuat begitu.

Dalam tegasnya, Azwa semakin suka Dr Firas. Bergaya betul cara dia mengendalikan sesi *megacode*. Diam-diam dia mengaku dalam bab kerja dan akademik, Dr Firas sangat berwibawa. Karismanya tergambar.

"*Azwa, what are you doing? She ask you to do chest compression. What are you waiting for?*"

Terpinga-pinga Azwa. Dia mengutuk dirinya kerana sempat melamun. Tak pasal-pasal kena tegur. Azwa segera melakukan *chest compression*.

Azwa menjeling Fazlin yang tidak mencuitnya atau memberi apa-apa amaran. Fazlin mengulum senyum. Menjadi *tagging* fasilitator dalam kursus ACLS membuatkan Azwa belajar banyak perkara.

Bukan saja semakin mahir dengan algoritma *cardiac arrest, bradycardia dan tachycardia*. Malah, bagaimana membiasakan diri dengan pemeriksa tegas dan garang seperti Dr Firas.

"Cheah, I have one case to refer to you."

"What? At this hour?"

"Yes, what's wrong. It's 6.30 am. I want to refer to you only one case. ACS case."

"I cannot accept your case."

"Why?" Azwa tak mengerti.

Apa masalah mamat ni. Bukannya 7.30 pagi, baru pukul 6.30 pagi.

"Better you refer morning MO. My oncall dah nak habis ni."

Azwa berang.

"There's one hour and thirty minutes before you finished your oncall." Bantah Azwa.

"No, I cannot come and see your case."

Cheah, *MO medical* yang *oncall* tetap enggan menerima kes yang mahu dirujuk Azwa.

"Fine, I'll refer to your colleague at 8 am." Sakit hati Azwa tak terkira.

Lagi lama nampaknya pesakit kena menunggu di AMC sebelum dilihat *MO medical*.

Sudah diketahui umum Cheah seorang *MO medical* yang sukar menerima kes rujukan. Ada saja helah untuk menolak kes, malas mahu melihat kes dengan segera, asyik mencari kesalahan MO A&E.

Azwa menelefon operator untuk mengetahui siapa *MO medical* yang akan menerima kes rujukan dari A&E untuk sesi pagi.

Ezzat.

Hmm... Azwa menarik nafas lega. Ezzat *okay*, tidak berkira. Antara *MO medical* yang paling disenangi di jabatan kecemasan. Ada masanya bila terlebih rajin, Ezzat yang bertanya ada apa-apa kes untuk dirujuk kepadanya. Pernah juga Ezzat melihat kes tanpa sempat dia memberitahu kes tersebut kepada Ezzat.

Manusia itu pelbagai ragam. Kalau semua *MO medical* macam Ezzat, bahagia MO A&E.

Jam lapan sepuluh minit pagi, Azwa menelefon Ezzat. Azwa tak sampai hati menghubungi Ezzat tepat jam lapan. Maka dia menunggu selama 10 minit selepas jam lapan baru dia menghubungi Ezzat.

"*Sorry Ezzat, call* kau awal pagi. Ada *case* nak *refer*."

Terdengar Ezzat tergelak di hujung talian. "Itu la... terperanjat aku dapat *call* awal pagi."

"Aku nak *refer* kawan baik kau, Cheah pukul enam setengah pagi tapi dia dah tak mahu terima *referral*. Dia suruh *refer* orang pagi."

"Enam setengah pagi? Awalnya dia *close referral*? Kalau tujuh setengah pagi *consider* juga la." Ezzat terkejut tapi dia maklum dengan perangai rakan sekerjanya.

"Tu la pasal yang aku bengang ni. ACS je pun."

"Eh, eh, tapi dia bukan kawan baik aku." Ezzat tergelak-gelak lagi.

"Tak apa la, kes apa tu? ACS?" Ezzat tekun mendengar Azwa menerangkan tentang kes yang mahu dirujuknya.

Sehabis bergayut di telefon, Azwa memandang sekeliling. Orang syif pagi sudah datang.

Izzati bertenggek di sisinya menanti dia untuk *pass over case*.

"Dah lama kau sampai? Tak perasan pun." Tegur Azwa.

Izzati tersenyum. "Mana nak perasan? Kau sibuk bercakap kat telefon."

"Kes apa pagi-pagi buta kau dah *refer medical*?"

"ACS. Ni semua Cheah punya pasal." Azwa bengang semula mengingatkan Cheah yang enggan menerima kes.

"Kenapa pulak?"

"Pukul enam setengah pagi dia dah tak nak terima kes."

"Awal gila *close referral*." Komen Izzati.

"Tu yang Ezzat terkejut juga. Mujur la pagi ni Ezzat, sejuk sikit hati aku."

"Cheah memang pemalas." Tambah Izzati.

"Aku nak *refer ACS*, bukannya kes dari resus macam *septic shock* atau DKA. Yang tu *confirm* la ambil masa dia untuk *clerk* dan tulis. Ni *straightforward ACS*. Kejap je kut." Azwa masih kesal dengan sikap Cheah.

"Nak buat macam mana... dah dia memang macam tu orangnya."

"Tak faham aku, nak jadi *physician* tapi pemalas." Kutuk Azwa.

"Sabar, sabar. Aku rasa kau lapar. Apa kata kau cepat-cepat *pass over case* pada aku dan kau pergi makan lepas ni." Cadang Izzati.

"ACS ni jer la yang aku nak *pass over*. Tunggu Ezzat datang *review patient*. *Patient* yang lain *waiting for admission*."

Azwa membawa Izzati melihat pesakit yang ada di AMC dari satu katil ke katil seterusnya, memberitahu diagnosis dan plan rawatan untuk setiap pesakit.

"Dah, dah, pergi balik sarapan." Izzati olok-olok menghalau Azwa sebaik saja selesai sesi *pass over case*.

"Bye!" Azwa mencapai beg gelas berwarna merah terang dan keluar dari AMC dengan hati yang gembira kerana selesai syif malam.

"Apa? *Facemask* tak ada? Hospital punya besar tak ada *facemask*?"

"*Sister* mana? *Sister*?"

Sister Ain sampai, terus Dr Firas menerjah. "Sister, betul ke *face mask* tak ada? Mangkuk ni kata stok *facemask* dah habis."

Azwa menjeling. Bila masa ibu letak nama aku mangkuk dalam surat beranak.

"Tadi saya dah minta dengan *staff nurse*, dia orang kata tak ada." Azwa cuba membela diri.

Tak reti nak panggil orang dengan nama elok-elok agaknya. Penat-penat mak bapak aku bagi nama Azwa, mangkuk dipanggilnya.

"Nanti saya *check* ya Dr Firas." Kelam-kabut Sister Ain bergegas pergi, mahu mencari *face mask* sebelum dijerkah lagi oleh Dr Firas.

Beralih ke pesakit seterusnya....

"Kenapa patient ni tak ada *line*?"

"*Difficult line boss.*"

"*There's no such thing of difficult line for emergency physician. If cannot get peripheral line, put central line. Patient need drip and medication.*"

Azwa tunduk. Pedih telinga kena sembur hari ini. *Round* di AMC dengan Dr Firas terasa panjang kerana asyik ditegur dan dimarahi.

"Hypertensive emergency and hypertensive urgency, why are you confuse between those two?"

"If you say patient has hypertensive emergency, patient shouldn't be in AMC. Patient should be managed in resus and given intravenous medication. Do you want to revise your diagnosis?"

Azwa melihat jam dinding di AMC.

"Boss, kita *stop* sekejap. Dah masuk maghrib ni." Pinta Azwa. Walaupun asyik dimarahi dari tadi, Azwa tetap memberanikan diri bersuara. Kewajipan untuk menunaikan solat lebih utama.

Dr Firas yang sedang asyik meneliti *CT scan* di computer tersentak. Dia terdiam seperti berfikir sejenak.

"Tak apa la, kamu pergi solat. Saya teruskan *round* dengan Chia."

Sebelum Dr Firas berubah fikiran, Azwa cepat-cepat menghilangkan diri untuk ke surau.

Boss aku ni tak nak pergi solat mahgrib ke? Bukan dia hendak bersangka buruk tetapi dia hairan.

Ketika Azwa kembali ke AMC, Dr Firas dan Chia sudah sampai di katil pesakit paling hujung. Kemudian Dr Firas terburu-buru berjalan ke resus pula.

"Chia, Dr Firas tak *stop* langsung ke tadi?" Tanya Azwa pelik.

"Tak pulak, dia *round* sampai habis. Kenapa?" Chia menyoal Azwa semula.

"Tak ada apa." Azwa geleng.

Perasaan ingin tahu Azwa begitu tinggi. Dia berjalan ke resus. Dilihatnya Dr Firas di kubikel tujuh sedang melakukan *round* dengan Amri, registrar dan Johan, MO resus.

Ya Allah, kurniakan hidayah untuk boss, doa Azwa sebelum dia kembali ke AMC. Sedih pula melihat Dr Firas yang selamba terus bekerja tanpa berhenti untuk menunaikan kewajipan solat.

"Kau tahu tak, dia solat ke tak?"

Fazlin terlongo mendengar soalan maut Azwa.

"Siapa?"

"Abang aku tu la."

"Abang kau?" Fazlin kerut dahi.

"Dr Firas."

"Hahaha...sejak bila dia jadi abang kau?"

"Nama bapak kita orang sama, Abdullah. Cuma lain emak, lain bapak."

"Yang kau beriya nak tahu dia solat tu kenapa?" Pelik Fazlin dengan pertanyaan Azwa. Buku Costanzo yang dipegang diletakkan di atas meja. Lebih tertarik dengan soalan Azwa.

"Aku *round* AMC dengan dia tadi. Aku berhenti nak solat maghrib. Dia tak *stop* pun, dia sambung *round* dengan Chia."

"Agaknya dia pergi solat lepas tu?"

"Tak, dia sambung *round* kat resus pulak."

"*Maybe* habis *round* kat resus dia solat."

"Weh, habis *round* kat AMC pukul 8 malam. Then sambung *round* kat resus. *Resus full bed* masa tu, siap ada kubikel yang *double patient* lagi."

"Ala, mana aku tahu. Yang kau sibuk-sibuk nak tahu kenapa dia solat ke tak tu kenapa?"

Azwa diam. Ya, kenapa? Kenapa dia begitu ambil berat sama ada bossnya solat atau tidak.

Eh, mestilah nak tahu sebagai saudara seislam...

Ada sebab lain ke? Azwa tertanya-tanya sendiri.

20

Terasa sedih lepas balik dari kelas Dr Firas.

BERSAMBUNG....

Anda boleh dapatkan naskhah anda melalui:

whats app 019-5593436 (Hayati) atau
www.duapenulis.com selepas 8 Julai 2018

Harga senaskhah RM30 (tak termasuk pos)

PERINGATAN:

Anda dibenarkan berkongsi pdf ini dengan sesiapa saja tetapi anda **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali menjual pdf ini atau membuat keuntungan daripada pdf ini.

Azwa menguis nasi berlauk ayam
yang masih berbaki separuh.

Sejak bila aku jatuh cinta pada dia?
Selepas aku tidak dapat intubate patient kerana
dia berdiri di sebelahku atau sejak dia panggil
aku mangkuk?

Ish, apa kena aku ni? Orang jerit dan marah
aku dengan gelaran mangkuk, aku boleh suka
pulang. Kalau orang lain dah benci tahap tujuh
petala langit. Aku pula tergolek-golek hati
sukakan dia.

Azwa keliru dengan perasaannya
sendiri.

*Rindu tak bermakna kita mahu kembali ke sana.
Kita merindui kenangan yang tercipta di sana.*

AZWA

www.duapenulis.com

Sem. Malaysia: RM30

Sabah/Sarawak: RM33

ISBN 978967 12923 96

